



قائمتا بروني Pelita Brunei

DITERBITKAN PADA TIAP-TIAP HARI RABU

TAHUN 29 BILANGAN 25

RABU 20 JUN, 1984.

رابو 21 رمضان 1404

PERCUMA

SAMBUTAN NUZUL AL-QURAN

KILANAS. — Sambutan Nuzul Al-Quran Peringkat Negara tahun ini telah diadakan di Masjid Kampong Kilanas di sini pada hari Sabtu 16 Jun lepas.

Acara dimulakan pada pukul 4.30 petang dengan Majlis Khatamal Al-Quran yang seterusnya diikuti dengan jamuan berbuka puasa dan bersembahyang Maghrib berjemaah.

Sebaik-baik sahaja selesai menunaikan sembahyang Isyak berjemaah dan bersembahyang sunat Tarawikh, pada pukul 9.00 malam acara disambung semula dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran oleh Awang Haji Salam bin Haji Bungsu diikuti dengan ucapan Pengerusi Jawatankuasa Sambutan, Ustaz Haji Ibrahim bin Pehin Orang Kaya Indera Laila (Begawan Mudim) Dato Seri Utama Haji Ismail.

Awang Haji Mahalleh bin Haji Abdullah selaku wakil Jawatankuasa Masjid dan penduduk-penduduk Kam-

pong Kilanas telah juga menyampaikan ucapan.

Hadiah-hadiah Peraduan Menulis Cerpen dan Makalah sempena Sambutan Israk Mikraj telah disampaikan pada malam itu oleh tetamu kehormat, Y.B. Pehin Tuan Imam Dato Seri Setia Ustaz Awang Haji Yahya bin Haji Ibrahim, Timbalan Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama.

Dalam Peraduan Menulis Cerpen Bahagian A, tempat pertama telah dimenangi oleh Awang Mohd Zefri Ariff bin Mohd Zain Ariff dengan cerpennya yang bertajuk "Mati".

Tempat kedua juga dimenangi oleh Awang Mohd Zefri Ariff dengan cerpennya "Parti".

Manakala tempat ketiga pula dimenangi oleh Abd Rahman bin Matzain dengan cerpen berjudul "Penyesalan".

Sementara hadiah-hadiah saguhati telah dimenangi oleh Awang Mohd Faisal bin Haji

Noordin dengan cerpennya "Anakku Sri" dan Dayang Sarimah binti Haji Tengah dengan cerpennya bertajuk "Suara Qudus".

Dalam Bahagian 'B' pula tempat pertama telah dimenangi oleh Dayang Nor-mah binti Kassim yang menulis "Di Antara Sebuah Impian Dan Kenyataan".

Awang Tarif bin Haji Abd Hamid dengan cerpennya berjudul "Tuhan Tidak Dapat Menerima Taubatnya" telah menduduki tempat kedua.

Manakala tempat ketiga dimenangi oleh Awang Ibrahim bin Haji Mohammad yang menulis cerpen "Pertemuan Dengan Seorang Tua".

Tiga hadiah saguhati telah juga diberikan kepada tiga orang penulis yang terpilih.

Dayang Maimon binti Abd Rahman dengan cerpennya "Bukan Anak Abah"; Dayang Rosnah bte Abd Rahman dengan cerpennya "Keruntuhan Iman"; dan penulis cerpen "Ketentuan Tuhan", Awang Hashim bin Haji Mohd Noor.

Dalam Bahagian Menulis Makalah pula, Bahagian A, tempat pertama telah dimenangi oleh Awang Mohd Faisal bin Haji Noordin dengan makalah bertajuk "Tanggungjawab Ibu Bapa Terhadap Pendidikan Anak".

Tempat kedua pula dimenangi oleh makalah yang bertajuk "Peranan Dan Tugas Guru Dalam Pembangunan Negara" yang ditulis oleh Awang Mohd Faisal bin Haji Noordin.

Makalah bertajuk "Perpaduan Islam Dan Tanggungjawab Mereka" tulisan Awang Abd Rahman bin Matzain telah memenangi tempat ketiga.

Dalam Bahagian 'B' pula tempat pertama dimenangi oleh Awang Mohd Azari bin Mohd Ali dengan makalah bertajuk "Musuh-musuh Islam".

Awang Haji Hashim bin Haji Hamid dengan makalah berjudul "Keluarga Sudi Kekuatan Ummah Islam" memenangi tempat kedua.

Manakala Awang Majid bin Abd Rahman dengan makalah bertajuk "Penerbitan Jabatan Hal Ehwal Ugama" menduduki tempat ketiga.

Sementara hadiah saguhati telah dimenangi oleh Awang

Abd Wahab bin Haji Abdullah dengan makalahnya bertajuk "Pentingnya Dakwah Islamiah Dalam Membentuk Peribadi Muslim Yang Sempurna".

Terdahulu dari itu satu syarahan khas sempena dengan sambutan malam itu telah disampaikan oleh Awang Haji Besar bin Haji Abu Bakar.

Di antara tetamu yang hadir pada malam itu ialah Datu Derma Wijaya Awang Haji Tamit bin Aspar, Penghulu Mukim Kilanas; Awang Haji Yusuf bin Metamit, Ketua Kampong Kilanas; pegawai-pegawai kanan Jabatan Hal Ehwal Ugama dan penduduk-penduduk di sekitar kampung tersebut.



Y.B. Pehin Tuan Imam Dato Seri Setia Ustaz Awang Haji Yahya bin Haji Ibrahim menyampaikan hadiah kepada salah seorang pemenang dalam Peraduan Menulis Makalah dan Cerpen, salah satu acara dalam sambutan pada malam itu.

Pengecualian bayaran setem

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kementerian Undang-Undang telah memaklumkan bahawa satu Perintah Darurat (Pengecualian dari Cukai Setem) 1984 telah diperbuat oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam pada 24 Mei 1984.

Perintah ini adalah bertujuan untuk membuat pengecualian daripada bayaran cukai setem (stamp duty) terhadap:

- pendaftaran dokumen-dokumen pindah milik kepada waris-warisan yang berhak kerana penurunan harta pusaka seseorang yang meninggal dunia pada atau selepas 1 Mac 1984; dan
- pendaftaran dokumen-dokumen pindah milik kepada waris-warisan yang berhak kerana penurunan harta pusaka seseorang yang meninggal dunia sebelum 1 Mac 1984 dengan syarat penurunan harta pesaka tersebut adalah didaftarkan pada atau selepas 1 Mac 1984.

Walau bagaimanapun,

pembayaran cukai harta (estate duty) adalah masih dikenakan terhadap harta pusaka seseorang yang telah meninggal dunia.

Perintah ini juga seterusnya memperuntukkan bahawa cukai-cukai setem yang dibayar sebelum 1 Mac 1984

terhadap pendaftaran dokumen-dokumen pindah milik kepada waris-warisan yang berhak kerana penurunan harta pusaka seseorang yang meninggal dunia adalah dianggap telah dengan sah dan sempurna dibuat di bawah Undang-Undang Setem.

Buat bayaran pengukuran di Pejabat Ukur

MULAI 1 Jun, 1984 Jabatan Ukur, Kementerian Pembangunan Negara Brunei Darussalam telah mengambil alih bayaran pengukuran tanah yang biasanya dibayar oleh orang ramai khasnya pemohon-pemohon untuk pecahan tanah di Jabatan Tanah.

Oleh yang demikian adalah dimaklumkan kepada semua pemohon-pemohon yang belum menjelaskan tuntutan-tuntutan yang dibuat oleh Jabatan Tanah sebelum 1 Jun 1984 supaya menjelaskan bayaran yang dimaksudkan di Jabatan-Jabatan Ukur yang berkenaan iaitu di Ibu Pejabat Ukur, di Lapangan Terbang Lama, Berakas; di Jabatan Ukur Daerah Belait; atau di Jabatan Ukur Daerah Tutong kecuali bagi Daerah Temburong pembayaran-pembayaran adalah masih

lagi dibuat di Pejabat Tanah Daerah itu.

Bayaran-bayaran adalah dituntut kira-kira tiga bulan sebelum giliran untuk satu-satu kerja pengukuran itu dapat dijalankan. Pemohon-pemohon adalah diberi tempoh tiga bulan untuk menjelaskan tuntutan tersebut, dan giliran pengukuran akan dibatalkan jika pembayaran tidak dijelaskan dalam tempoh yang ditetapkan itu.

MANISNYA IMAN

"Wahai orang-orang yang beriman! Sabarlah, dan cukupkanlah kesabaran serta perteguhkanlah kekuatan kamu dan bertakwalah kepada Allah supaya kamu beroleh kemenangan." — Makna ayat 200 Surah Ali 'Emran.

Pekedai-pekedai diingatkan:

JANGAN NAIKKAN HARGA BARANG

BANDAR SERI BEGAWAN.

Pekedai-pekedai dan penjual di seluruh negara dinasihatkan supaya tidak akan mengambil kesempatan untuk menaikkan harga barang-barang makanan dan lain-lain keperluan tanpa sebab-sebab yang munasabah di dalam masa bulan puasa dan menjelang Hari Raya ini.

Ingatan ini dibuat oleh Pegawai Harga, Datin Hajjah Jusnani binti Haji Lawie dalam satu kenyataannya pada minggu lalu.

Datin Hajjah Jusnani juga menasihatkan pekedai-pekedai supaya mendapatkan bekalan-bekalan yang mencukupi bagi memenuhi permintaan di musim perayaan ini.

Katanya, pegawai dari Bahagian Kawalan Harga akan sentiasa keluar melakukan pemeriksaan bagi memastikan bahawa barang-barang itu adalah dijual dengan harga yang berpatutan dan tanda-tanda harga hendaklah diletakkan dengan betul.

Sesiapa jua yang mendapati harga-harga barang telah dinaikkan melebihi dari harga-harga yang sepatutnya hendaklah melaporkan kepada Bahagian Kawalan Harga, Unit Perancang Ekonomi, Kementerian Kewangan, Negara Brunei Darussalam, nombor telefon 25555 atau kepada pegawai-pegawai yang berikut:

Pengerusi Lembaga Bandaran, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Pengerusi Lembaga Bandaran, Kuala Belait, Negara Brunei Darussalam.

Pegawai Daerah Tutong, Negara Brunei Darussalam.

Pegawai Daerah Temburong, Negara Brunei Darussalam.

Orang ramai adalah juga dinasihatkan seberapa yang boleh akan dapat membeli barang-barang keperluan mereka awal-awal lagi demi untuk mengelakkan kesibukan di dalam masa beberapa hari sahaja lagi menjelang Hari Raya Puasa.



20 JUN, 1984

*Dengan nama Allah yang
pemurah dan maha penyayang*

MENAMBAHKAN BEKALAN IKAN: LANGKAH DAN USAHA YANG DIAMBIL OLEH KERAJAAN SETAKAT INI

USAHA untuk menambahkan penghasilan ikan sedang terus dibuat. Ia melibatkan kerjasama dan persefahaman di antara pihak-pihak berkenaan Kerajaan dengan nelayan.

Kerana penghasilan ikan yang tidak mencukupi kita di Brunei terpaksa mengimport ikan dari luar negeri. Dari perangkaan yang diperolehi dalam tiga tahun semenjak tahun

1980 membawa kepada tahun 1982 lebih kurang separuh daripada keperluan kita didatangkan dari luar negeri. Kerana itulah seperti yang diumumkan oleh Setiausaha Tetap Pertama Kementerian Pembangunan baru-baru ini, bahawa Kementerian berkenaan itu melalui Jabatan Perikanan berusaha untuk mengurangkan import ikan dengan cara memodenkan perusahaan menangkap ikan.

Langkah dan usaha Kerajaan bagi memodenkan perusahaan menangkap ikan itu disokong dengan langkah membantu pengusaha-pengusaha dengan memberi pinjaman modal bagi mengadakan tangkapan ikan secara pukut tunda dengan kapal-kapal yang diperlengkapi alat-alat yang moden. Setakat ini tiga buah kapal pukut tunda kepunyaan pengusaha-pengusaha tempatan telah dilancarkan berdasarkan kajian yang dibuat oleh Jabatan Perikanan. Pihak berkenaan Kerajaan pada waktu ini menghadkan bilangan lesen pukut tunda kepada lima sahaja sebagai langkah permulaan untuk memberi petunjuk dan pelajaran yang berguna dan sebagai penggerak kepada usaha-usaha seterusnya.

Dengan peningkatan usaha menangkap ikan secara yang sedemikian sudah barang tentu orang ramai dapat mengharapkan bekalan ikan akan bertambah. Dan separuh daripada keperluan tempatan yang diimport dari luar negeri akan perlahan-lahan berkurangan yang kesannya diharapkan bukan sekadar menandakan kejayaan rancangan bahkan yang lebih penting ialah bagi memantapkan harga ikan di pasaran kepada kadar yang rendah daripada harga sekarang. Sebab orang ramai adalah sen-

tiasa bersungut dengan kedudukan harga ikan termasuklah udang yang terus-menerus pada paras harga yang tinggi. Sungutan mereka itu sebahagiannya berasaskan perbandingan dengan harga empat lima tahun yang lalu di mana misalnya ikan dan udang jenis yang baik berharga tidak lebih daripada \$4.00 sekati. Mungkin alasan itu tidak mencukupi tetapi yang jelasnya harga yang terus-menerus meningkat di pasaran pada masa ini bukan semata-mata kerana bekalan yang kurang sebab pada masa-masa tertentu di mana ikan dan udang didapati 'junterah' pun harga tidaklah sampai jatuh di bawah paras \$4.00.

Kita boleh menaruh harapan dengan langkah-langkah dan usaha memodenkan perusahaan menangkap ikan itu akan menambahkan bekalan dalam pasaran. Apabila bekalan bertambah sepatutnya harganya akan turun. Akan tetapi dalam menentukan mahal murah harga tidak sepenuhnya berdasarkan bekalan bahkan pengaruh kemanusiaan adalah mengambil peranan. Maksud kita dengan pengaruh kemanusiaan ialah keinginan untuk mendapatkan untung yang besar yang mana dalam apa jua perniagaan ia sangat sukar untuk dihindkan. Dalam keadaan yang sedemikian itu langkah dan usaha Kerajaan bagi menambahkan penghasilan ikan sepatutnya akan diikuti dengan langkah-langkah kawalan harga di mana peraturan mengenainya sudahpun sedia ada. Tanpa penguatkuasaan kawalan yang berkesan akan sukar ditentukan faedah-faedah yang akan didapati oleh orang ramai daripada sebarang usaha dan langkah Kerajaan.

Sesungguhnya perusahaan menangkap ikan

di negara kita adalah terbukti menguntungkan. Dengan kadar keperluan kepada bekalan ikan yang semakin meningkat dengan bertambahnya bilangan penduduk maka nelayan-nelayan kita boleh menguntungkan mata pencariannya kepada menangkap ikan sepenuh masa bahkan sebagai nelayan mereka mampu untuk berkehidupan yang selesa. Ini dimungkinkan lagi oleh adanya suatu sistem pemasaran di mana nelayan tidak semestinya bergantung kepada orang-orang tengah. Keadaan ini sangat mengagumkan di mana untung nasib nelayan di setengah-setengah negara luar berkeadaan miskin tetapi di negara kita mereka bukan sahaja terlepas daripada cap kemiskinan bahkan berkehidupan yang selesa.

Oleh yang demikian faedah-faedah yang sudah dinikmati oleh nelayan-nelayan dan juga orang-orang tengah daripada perusahaan menangkap ikan itu sepatutnya akan dapat dirasakan bersama oleh orang ramai di mana orang ramai selaku 'pengguna' akan mendapat bekalan ikan yang mencukupi dengan harga yang mantap pada kadarnya yang berpatutan. Dalam mengharap yang sedemikian itu kita sukacita mengingatkan bahawa sebarang usaha dan sebarang penghasilan masih juga bergantung kepada limpah kurnia Allah Taala di mana niat dan cara kita mempergunakannya akan menjadi sebab pada menentukan kejayaan sebarang usaha dan iktihar. Ajaran Allah mengingatkan kita supaya mensyukuri nikmat-Nya dalam ertikata mengikhlaskan niat dan cara mempergunakannya dengan sebaik-baiknya yang mana dengan cara itu Allah berjanji akan menambahkannya.



GAMBAR-gambar menunjukkan sebahagian daripada jenis-jenis padi yang sedang diuji.



KERJA-KERJA PEMILIHAN JENIS PADI BERJALAN LANCAR

DENGAN bermulanya perjanjian kerjasama di antara Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia melalui Jabatan Pertanian, Brunei dengan Kerajaan Jepun melalui "The TROPICAL AGRICULTURE RESEARCH CENTER of the Ministry of Agriculture Forestry and Fisheries, Japan," ringkasnya "TARC" yang telah ditandatangani dalam bulan Ogos, 1983 iaitu dalam kerja-kerja penyelidikan bagi mendapatkan jenis padi yang bermutu baik, maka Jabatan Pertanian telah melangkah setapak lagi ke hadapan.

Isi kandungan perjanjian itu adalah seperti berikut: — "Pengarah Pertanian, Brunei adalah diamanahkan dengan penyelidikan-penyelidikan pertanian yang bermatlamatkan dari segi perkembangan teknologi yang tertentu dalam meningkatkan taraf pertanian di Brunei."

"Manakala T.A.R.C. adalah terlibat dalam kemajuan pertanian di kawasan yang berhawa panas melalui penyelidikan yang menuju ke arah perkembangan teknologi."

"Manakala kedua-dua pihak pula mengakui bahawa tujuan/matlamat masing-masing akan dapat dicapai dengan lebih cepat dan berhasil dengan menumpukan segala keperluan bilamana masa yang difikirkan perlu."

Setelah perjanjian itu dibentuk, maka beberapa syarat tertentu dalam pelaksanaan projek-penyelidikan itu pun dibuat. Di antaranya termasuk: —

"Pakar dari T.A.R.C. akan ditempatkan di bahagian penyelidikan Jabatan Pertanian. Rancangan kerja yang sudah dipersetujui oleh kedua belah pihak akan mengambil masa di antara 5 hingga 10 tahun. Rancangan am ini akan diikuti dengan rancangan tahunan di mana akan diterangkan satu persatu mengenai dengan projek atau kerja-kerja yang akan dijalankan dan sumbangan daripada kedua-dua belah pihak."

Sebagai langkah pertama yang dibuat, seramai tiga orang pakar telah didatangkan dari Tropical Agriculture Research Centre,

Jepun, dalam bulan Julai/Ogos 1983. Dua daripadanya iaitu Awg. Kiyoshi Sato dan Awg. Koichi Tonaka, pakar dalam bahagian parit dan taliair dan seorang lagi iaitu Dr. Wada Genshichi, pakar dalam bahagian padi.

Dalam bahagian parit dan taliair, mereka telah membuat kajian mengenai dengan masalah parit dan taliair yang dihadapi di kawasan projek Padi Kerajaan, Wasan. Kajian-kajian ini telah selesai dibuat dan cadangan-cadangan untuk mengatasi masalah itu telah diadapakan kepada pihak yang berkenaan untuk diambil tindakan.

Dalam bahagian penyelidikan padi pula, kerja-kerja asas dalam mencari masalah-masalah yang dihadapi dalam kerja-kerja penyelidikan padi telah pun dibuat oleh Dr. Wada Genshichi. Kerja-kerja ini adalah dikendalikan bersama oleh Unit Pembiakan Tanaman yang dibantu oleh cawangan-cawangan penyelidikan yang lain, iaitu bahagian-bahagian Kajimusu Tanam-Tanaman, Kajipenyakit Tumbuh-Tum-

bahan, Agronomi dan Kajianah. Ada empat (4) tujuan utama kerja-kerja ini dibuat: —

1. Mengendalikan kerja-kerja mengumpul, menilai dan menyediakan katalog sifat bagi tujuan pemilihan dan pengekalan jenis.
2. Mencari jenis padi yang boleh mengganti jenis Disobok yang akan ditanam di kawasan Projek Padi Kerajaan, Wasan dalam hakikat penanaman dua kali setahun, secara besar-besaran dengan menggunakan jentera moden.
3. Untuk memilih jenis-jenis padi yang sesuai untuk ditanam oleh petani-petani di Brunei ini.
4. Mengenal jenis-jenis yang bermutu tinggi dari segi hasil serta sifat-sifat yang tertentu yang akan digunakan dalam rancangan pembiakan di masa akan datang.

Satu faktor penting yang patut diketahui ialah pada masa ini lebih ramai petani-petani cenderung untuk menanam jenis-jenis padi yang

disyorkan dan ini menjadikan jenis-jenis padi tempatan, dari tahun ke setahun, semakin berkurangan ditanam di sawah-sawah. Pada kenyataan, padi jenis tempatan sudah sekian lama terdedah kepada keadaan-keadaan sekelilingnya di negara ini dan ini menjadikan ianya kebal daripada serangan-serangan penyakit dan musuh.

Setelah kerja-kerja asas ini selesai dibuat oleh Dr. Wada Genshichi, mulai bulan Ogos, 1983 kerja-kerja ini telah diambil alih oleh Awg. Takanori Imai, pakar dalam bahagian pembiakan tumbuhan-tumbuhan, juga dari T.A.R.C.

Kerja-kerja penyelidikan yang sedang dijalankan di Stesen Pertanian Birau pada masa ini adalah untuk mendapatkan jenis-jenis padi yang berhasil tinggi, bermutu baik, tahan lasak daripada serangan musuh dan penyakit, tegap rumpun dan tidak mudah rebah, serta rasa yang baik.

Pada musim penanaman utama 1982/83 sebanyak 379 jenis padi tempatan telah

diselidiki dan hasilnya sebanyak 30 jenis telah dipilih untuk ujian lanjutan.

Pada musim penanaman utama 1983/84 sebanyak 20 jenis padi yang didatangkan dari Korea dan Sabah telah diuji bersama-sama dengan 30 jenis padi tempatan yang dipilih dari penanaman 1982/83. Dalam percubaan ini 5 jenis padi tempatan dan 3 jenis padi Korea telah dipilih untuk ujian lanjutan pada tahun ini.

Dalam penyelidikan bersama dengan pakar dari Jepun, sejauh ini sebanyak 1084 jenis padi tempatan sedang diuji di Stesen Pertanian Birau, di mana aspek-aspek seperti tinggi padi, umur, ketegapan dan seumpamanya diambil catatan. Ujian selanjutnya yang akan dijalankan pada penanaman luar musim akan menitikberatkan aspek-aspek lain, terutamanya ketinggian hasil.

Perkembangan dan pencapaian di dalam kerja-kerja pemilihan padi yang sedang diusahakan amatlah memuaskan. Jabatan Pertanian penuh yakin bahawa matlamat-matlamat kerja ini akan dapat dicapai dengan sepenuhnya.

PEMBINAAN TIGA BUAH JABATAN JALAN LANCAR

Oleh : Abd. Karim Haji Abu Bakar

KEMASUKAN negara kita ke arena antarabangsa tidak dapat dinafikan menambahkan lagi tanggungjawab yang perlu dipikul oleh jabatan-jabatan Kerajaan demi melicinkan dan meningkatkan lagi mutu perkhidmatan sesuai dengan peranan yang perlu dimainkan dalam sebuah negara yang merdeka dan berdaulat.

Menyedari hal ini Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam beberapa tahun lalu telah membina bangunan jabatan-jabatan Kerajaan yang baru di kawasan bekas Lapangan Terbang Lama yang mana ketika ini menempatkan berbagai jabatan Kerajaan dari beberapa kementerian.

Di kawasan yang sama, ketika ini beberapa projek pembinaan bangunan baru jabatan kerajaan sedang giat dilaksanakan.

Projek bangunan jabatan Daerah Brunei-Muara dan jabatan Pertanian telah mula dilaksanakan pada 19 September tahun lepas dan dijangka siap pada pertengahan bulan Mei tahun depan.

Bangunan bertingkat yang mempunyai keluasan 67 ribu kaki persegi itu menelan belanja sebanyak \$9.5 juta dan mengandungi dua buah blok.

Di bahagian bawah (Ground Floor) Blok jabatan Pertanian terdapat kemudahan stor dan bengkel; Bahagian 'Agriculture Publicity And Liaison'; Bahagian Penyalinan Gambar dan Studio (Photocopying and Studio); tempat letak kereta beratap bagi kakitangan; Bahagian Perkembangan Pertanian (Agriculture Extension); dan bahagian Biji-benih serta stor barang-barang.

Manakala di tingkat atas pula akan ditempatkan Bilik Persidangan Bahagian Pentadbiran Perpustakaan dan Bahagian Taman dan Kebun (Park and Garden Section).

Di bahagian blok jabatan Daerah pula, di tingkat bawah ditempatkan Bahagian Pentadbiran; Bahagian Melesen; Bahagian 'Refuse Collection and House Numbering'; dan Bahagian

Kewangan.

Manakala di tingkat atas pula diperuntukkan untuk Bilik Persidangan; Bahagian Teknikal; Bahagian Perkeranian; Pentadbiran; dan pejabat bagi Pegawai Daerah dan Penolong Pegawai Daerah.

Di antara kedua buah blok itu akan terdapat sebuah dewan besar (main hall) yang boleh menempatkan 1,500 orang dengan keluasan 25,00 kaki persegi di samping kemudahan pentas dan bilik bersalin pakaian.

Selain itu sebuah surau yang boleh menampung antara 40 hingga 50 orang jemaah; dan sebuah kantin yang berkemampuan memuat 300 orang juga terdapat di bangunan ini.

Terletak tidak berapa jauh dari projek ini ialah sebuah lagi projek jabatan kerajaan yang juga sedang giat dilaksanakan.

Projek ini mula diumumkan pada 29 Oktober tahun lepas untuk menempatkan ibu pejabat Pasukan Bomba dan Pusat Latihan pasukan tersebut dengan menelan belanja sebanyak lima juta ringgit dan dijangka siap dalam bulan April tahun depan.


Bangunan ini dibina bertujuan bagi menyediakan ibu pejabat Pasukan Bomba yang ketika ini ditempatkan di Bangunan Balai Bomba berdekatan dengan Jabatan Edinburgh yang mana difikirkan kedudukannya itu tidak lagi bersesuaian disebabkan berdepanan dengan Jalan Tutong yang sentiasa sibuk di samping kawasan di sekitar bangunan itu yang semakin sempit disebabkan jumlah kenderaan pasukan itu yang semakin meningkat dan kakitangan yang semakin bertambah.

Menurut Awang Zaidi bin Haji Md. Daud, Pegawai Turus Kanan Pasukan Bomba, bila siap ibu pejabat itu nanti dihasratkan segala panggilan kecemasan dari seluruh daerah akan dipusatkan di sana yang kemudiannya akan disampaikan ke balai-balai yang berhampiran dengan tempat-tempat sesuatu kebakaran atau kecemasan itu terjadi.

Di antara kemudahan yang terdapat di bangunan satu tingkat itu ialah satu blok ibu pejabat yang akan menempatkan kakitangan




REKABENTUK Bangunan Jabatan Daerah dan Jabatan Pertanian yang dirakamkan dari kacamata pelukis, (atas). Projek Bangunan Ibu Pejabat Pasukan Bomba sedang pesat dilaksanakan (bawah kiri) dan Projek Bangunan Jabatan Daerah dan Jabatan Pertanian dijangka siap bulan Mei tahun depan.



Bahagian Pentadbiran; Cawangan Pencegah Kebakaran; Perhubungan dan lain-lain di samping Pejabat Pengawal dan Timbalan Pengawal Pasukan Bomba dan pegawai-pegawai kanan yang lain; satu blok untuk serbaguna dan satu blok Balai Bomba.

Di samping itu ianya juga menyediakan bengkel, stor minyak; pam minyak; rumah jaga; dan menara setinggi enam tingkat.

Bagi kemudahan kakitangan yang berkenderaan pula sebanyak 24 buah tempat



letak kereta juga disediakan di samping satu tempat laluan beratap.

Sementara itu satu kawasan berkawad juga akan dibina berhampiran bangunan itu.

Dengan siapnya projek-projek itu nanti tentunya bukan saja akan

memberikan kemudahan kepada pihak yang terlibat dari segi kelicinan pentadbiran bahkan juga akan meningkatkan lagi mutu dan kelancaran perkhidmatan yang sedia ada sebagaimana yang sering dihasratkan oleh pihak Kerajaan dan orang ramai.

Penubuhan Sekolah PPN

BANDAR SERI BEGAWAN. — Persatuan Pendidik Nasional baru-baru ini telah menubuhkan Syarikat Kerjasama dan salah satu daripada aktiviti tersebut ialah dengan menubuhkan Sekolah PPN.

Sekolah ini sedia menawarkan tempat bagi kanak-kanak yang berumur dalam lingkungan tiga tahun untuk memasuki kelas-kelas TADIKa mulai bulan Ogos 1984. Kelas-kelas untuk menyambung ke darjah rendah akan juga disediakan.

Ibu bapa yang berminat adalah dipelawa dan diper-

silakan untuk mendapatkan borang masuk dan buku panduan (Prospektus) dari RUMAH PPN 146D, Batu 6½ Jalan Pasir Berakas, (selepas Jalan Lambak Kanan).

Borang-borang masuk dan buku panduan boleh didapati dari jam 2.30 — 4.30 petang pada hari bekerja dan dari jam 9.00 — 4.30 petang pada hari Jumaat dan Ahad di sepanjang bulan Jun 1984.

Borang-borang yang telah diisi hendaklah dikembalikan ke alamat di atas atau ke Peti Surat 2884, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.



11 lagi didenda kerana tak puasa

BANDAR SERI BEGAWAN. — Mahkamah Kadi telah mendenda seramai 11 orang kerana didapati makan, minum dan merokok di khalayak ramai di siang hari dalam bulan puasa ini.

Tuah bin Tajuddin, No 51 Kampung Saba Tengah, Bandar Seri Begawan dan Tassim bin Haji Salleh, Kampung Sumbiling Lama, Bandar Seri Begawan dihadapkan ke Mahkamah pada 6 Jun yang lalu dan dijatuhkan hukuman denda sebanyak \$50.00 tiap-tiap seorang.

Abd Hamid bin Jainuddin, No 57 Kampung Selayun, Sengkuring dan Awang Zulkifli bin Tunggai, No 4 Kampung Tanjong Bunut, Brunei yang juga dihadapkan ke mahkamah yang sama pada 7 Jun telah didenda masing-masing sebanyak \$40.00.

Seramai tujuh orang lagi telah dihadapkan ke

Mahkamah Kadi Daerah Belait pada 6, 7 dan 9 Jun yang lalu.

Mereka ialah Awang Adanan bin Raup, No 36 Kampung Kuala Baram, Sarawak, Awang Suria bin Alli, No 22, Kampung Kuala Baram, Sarawak, Awang Osman bin Bujang, No 33 Kampung Masjid Kuala Baram, Sarawak, Awang Saferi bin Sahari, Kampung Kuala Baram, Sarawak dan Awang Junaidi bin Haji Mohammad, Kampung Jalan Pandan, Kuala Belait. Kelima-kelima mereka ini telah didenda sebanyak \$20.00 tiap-tiap seorang.

Awang Rosman bin Abu Bakar, G. 18/14 A Lorong 4, Seria didenda sebanyak \$30.00.

Awang Bujang bin Othman G. 18/83 B Lorong 4½, Seria didenda sebanyak \$25.00.

Kesemua mereka yang didapati salah itu telah membayar denda masing-masing.

Peniaga derma \$2,000 untuk Tabung Orang-Orang Cacat

SEORANG peniaga, Awg. Cheong Huat Seng, telah menderma cek bernilai \$2,000 kepada Tabung Orang-Orang Cacat Negara Brunei Darussalam.

Derma tersebut telah disampaikan oleh beliau kepada Ketua Pegawai Kebajikan Masyarakat Dyg. Zaliha bte Mohaidin yang berlangsung di Jabatan Kebajikan Belia dan Sukan baru-baru ini. (gambar atas)

YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS Siri ke-231

MUQADDIMAH

Orang fasiq itu ialah orang yang melakukan dosa besar seperti meninggalkan sembahyang dan lain-lain rukun Islam, makan rasuah, menzalimkan orang, khianat dan tiada amanah, makan riba, minum arak dan tuak, dayus dan qawad, menari, campur gaul dengan perempuan (ibahiyyah) dan lain-lain.

WALI FASIQ



Soalan: Seorang Islam yang jarang-jarang sembahyang (termasuk sembahyang Jumaat) bolehkah jadi wali kepada anak saudaranya? (perempuan), sedang ia adalah fasiq kerana meninggalkan sembahyang itu, jika ia tidak boleh menjadi wali adakah perempuan (anak saudaranya) itu berwakil

hakim atau berwali "Abaad".
Jawapan: Bahawa Wali nikah yang tiada sembahyang Fardu dan tiada sembahyang Jumaat, adalah wali nikah seorang itu derhaka kepada Allah Taala dan ia adalah fasiq tiada sah ia menjadi wali bagi Mulliahnya (perempuan yang akan dinikahkan) dan hen-

daklah ia bertaubat dengan menyesal betul akan kesalahannya tiada sembahyang itu dan ia berazam tiada buat lagi kesalahan itu, dan apabila ia sudah bertaubat, maka ia boleh berwakil kepada jurunika dan ia menunaikan sembahyang dari masa berwakil hingga selesai akad nikah mulliahnya itu.

Menurut qaul dalam Al-Mazhab yakni Al-Imam Shafie apabila wali itu fasiq, maka wali nikah itu berpindah kepada wali yang lebih jauh dan abaad dan bolehlah wali abaad itu berwakil kepada jurunika yang bersifat wali hakim pada menikahkan mulliahnya.

Dalam masalah ini bapa

saudara sebelah bapa "Ammun" menjadi wali bagi mulliahnya, maka jika ada Ammun Syaqq (bapa saudara seibu sebapa) yang lain yang tiada fasiq maka ia boleh jadi wali dan mulliah beri izin akad nikahnya kepadanya, jika tiada Ammun Syaqq yang lain maka berpindah wali kepada Ammun lain (bapa

saudara sebelah bapa). Dalam soal ini tiada dinyatakan siapa wali Abaad itu.

Boleh pilih mana qaul dari dua qaul yang di atas ini tentang wali fasiq yang di atas ini.

WALLAHUAKLAM

Jadual penerbangan bakal-bakal haji

Jabatan Hal Ehwal Ugama, Bahagian Urusan Haji telah menetapkan jadual penerbangan pergi dan balik bakal-bakal haji tahun 1984/1404 seperti berikut :

Bertolak ke Jeddah	Balik ke Brunei
Penerbangan pertama :	
11 Ogos, 1984 jam 2.50 pagi	12 September, 1984 jam 9.15 malam
Penerbangan kedua :	
12 Ogos, 1984 jam 10.00 pagi	14 September, 1984 jam 4.00 pagi
Penerbangan ketiga :	
13 Ogos, 1984 jam 3.15 petang	15 September, 1984 jam 9.15 malam
Penerbangan keempat :	
14 Ogos, 1984 jam 8.15 malam	17 September, 1984 jam 4.00 pagi.

Penjualan anak lembu mendara

LUAHAN. — Dalam usaha Jabatan Pertanian, untuk memperbaiki dan meningkatkan hasil serta membanyakkan baka ternakan lembu di negara ini, Jabatan berkenaan telah dan sedang berusaha untuk menjual anak-anak lembu mendara kepada penternak-penternak yang berminat.

Jenis anak-anak lembu yang dijual ialah jenis kacukan dan jenis Droughtmaster yang berumur tidak kurang dari satu tahun, dalam lingkungan berat di antara 300 paun hingga 400 paun. Harga bagi tiap-tiap satu paun bagi anak lembu betina dan anak lembu

jantan kacukan ialah \$1.80 dan bagi anak lembu jantan Droughtmaster ialah \$2.00.

Jabatan Pertanian juga bertanggungjawab dalam menghantar anak-anak lembu ini kepada penternak-penternak yang membelinya. Sebelum penghantaran dibuat, anak-anak lembu tadi akan diberi rawatan seperti ubat cacing, meringgis tungau dan suntikan imozol. Bagi memastikan anak-anak lembu tadi di dalam keadaan sihat, penelitian dan pemeriksaan melalui contoh darah dan najis akan dilakukan oleh bahagian makmal haiwan.

Sebagai syarat bagi mem-

bolehkan penternak-penternak itu membeli anak-anak lembu tadi, mereka hendaklah mempunyai kawasan ladang ternakan yang berpagar mempunyai serta mempunyai rumput yang baik, sama ada di kawasan tanah EDR, T.O.L. atau tanah pajakan.

Penternak-penternak yang berminat untuk membeli anak-anak lembu ini, bolehlah memohon kepada Pegawai Pengawas Pertanian Daerah masing-masing atau pun berhubung terus kepada Bahagian Pengembangan Ternakan, Stesen Pertanian, Luahan.

Acara perayaan di Temburong

PEKAN BANGAR. — Sebanyak 18 jenis acara telah disusun sempena Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam yang ke-38 bagi Daerah Temburong.

Acara sambutan perayaan akan bermula pada 19 Julai depan dengan keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan ke Istiadat Mengadap Menjunjung Duli di Dewan Kemasyarakatan, di sini.

Sebelah petangnya pula akan diadakan acara lumba perahu di Sungai Temburong.

Acara-acara perayaan yang lain termasuklah perarakan tanglung berjalan kaki dan basikal berhias, perlakuan gasing, pertunjukan kanak-kanak sihat, pameran urusan rumah tangga, pertunjukan barang-barang antik dan hasil kerajinan, perlakuan tarik kalat, peraduan mengamping dan sukan ria.

— JAL.

Pulang ke rahmatullah



BANDAR SERI BEGAWAN. — Yang Dimuliakan, Pehin Orang Kaya Indera Dewa Dato Paduka Haji Musa bin Hitam, 64 tahun, telah pulang ke rahmatullah pada 3 Jun 1984 bersamaan 4 Ramadan 1404 Hijrah dengan meninggalkan seorang balu, 14 orang anak dan 28 orang cucu.

Allahyarham memulakan kariernya dengan memasuki anggota polis Brunei dalam tahun 1941 ketika berumur 21 tahun sehinggalah beliau bersara pada tahun 1966. Selepas itu beliau bekerja sendiri sebagai pemborong berdaftar.

Allahyarham dikurniakan gelaran Pehin Menteri dalam bulan Mei 1963. Dalam tahun 1979 beliau telah dilantik menjadi Ketua Kampong Sumbiling dan beliau juga adalah bekas salah seorang Ahli Lembaga Bandar.

Allahyarham telah dikurniakan Bintang Kebesaran dan beberapa Pingat Kehormatan iaitu Bintang D.P.M.B. Darjah Kedua, Pingat P.O.A.S., Pingat C.P.M., Pingat Perjujukan 1962, Pingat 'Pacific Star', Pingat Kerja Lama dan Pingat Pertahanan.

BAHTERAMU anjur Pertandingan Hadrah dan Sajak

BANDAR SERI BEGAWAN. — Bersempena dengan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam yang ke-38 tahun, Jawatankuasa Tertinggi

Perayaan akan menganjurkan pertandingan hadrah dan deklamasi sajak yang akan dikelolakan oleh Persatuan BAHTERAMU bertempat di Bilik Bacaan Pusat Belia di sini pada 16 Julai depan.

Borang-borang penyertaan dan keterangan lanjut boleh didapati dari Awang Osman bin Haji Najib, Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya Lapangan Terbang Lama Berakas, Awang Ismail bin Abd. Karim, Jabatan Perkhidmatan-perkhidmatan Perubatan, Kuala Belait; Awang Haji Idrus bin Mahari, Jabatan Hal Ehwal Ugama Daerah Tutong, Awang Samin bin Momin, Jabatan Kerja Raya Daerah Temburong dan Pg. Mohammad bin Pengiran Sarpudin, No. 10, Kg. Sungai Kebun B.S.B. Borang-borang tersebut hendaklah dihantar tidak lewat dari 10 Julai depan.

Peraduan Sihat

PEKAN TUTONG. — Peraduan Kanak-Kanak Sihat akan diadakan di Daerah Tutong sebagai salah satu acara sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan bagi daerah tersebut. Peraduan tersebut akan diadakan pada 20 Julai.

Borang-borang penyertaan sekarang boleh diperolehi dari Klinik-klinik Daerah Tutong. Tarikh tutup penyertaan ialah pada 18 Julai.



MEJAR Abdul Aziz

BERAKAS. — Dua pertukaran jawatan bagi pegawai-pegawai Angkatan Bersenjata Diraja Brunei telah diumumkan oleh pasukan tersebut baru-baru ini.

Mejar Noeh bin Abd Hamid sekarang memegang jawatan Pegawai Turus 2 Projek Tugas-Tugas Khas mulai 30 Mei, 1984.

Jawatan yang dulunya dipegang oleh Mejar Noeh iaitu Timbalan Penolong Ejutan Jeneral sekarang disandang oleh Mejar Abdul Aziz bin Abdullah juga mulai 30 Mei, 1984.



GAMBAR menunjukkan anak-anak lembu mendara yang akan dijual kepada penternak-penternak.



Marilah kita sama-sama bertakwa ke hadirat Allah Taala dengan sebenar-benar takwa dengan mengerjakan segala apa jua yang suruhan-Nya dan menjauhi segala apa jua larangan-Nya.

Termasuk hari ini, kita telah berpuasa selama 15 hari. Mudah-mudahan apa yang sudah kita amalkan itu, dan begitu juga yang akan kita amalkan berikutnya, semuanya diterima oleh Allah Subhanahu Wataala.

Mustahak kita sebutkan di sini supaya kita sama-sama beringat bahawa di dalam bulan ini ada satu malam istimewa yang disebut Malam Lailatul-qadar. Kita telah sama-sama tahu fadhilat Lailatulqadar itu menurut Al-Quran lebih baik dari seribu bulan. Firman

Allah Taala yang tafsirnya :

"**Sesungguhnya Kami (Allah) telah menurunkan Al-Quran itu pada Malam Qadar. Dan apakah engkau mengetahuinya? Wahai Muhammad? Apa itu Lailatulqadar? Lailatulqadar itu adalah lebih baik dari seribu bulan.**"

Maksudnya di sini ialah tiap-tiap amalan yang dilakukan berbetulan pada malam ini (Lailatulqadar) maka pahalanya sangat besar, lebih banyak dan lebih baik daripada pahala amalan yang dilakukan

Di malam Qadar:

MALAIKAT TURUN MEMBERI SALAM DAN MENGAMINKAN DOA

seribu bulan dalam waktu yang bukan Lailatulqadar. Cuba kita perhatikan hadis ini, sabda Nabi Salallahu Alaihi Wassalam yang bererti :

"**Barangsiapa yang berdiri (mengerjakan sembahyang atau lain-lain amalan) pada malam qadar atau Lailatulqadar atas dorongan keimanan serta untuk mencari keredaan Allah maka diampunkan dosadanya yang sudah-sudah.**" Hadis ini riwayat Imam Al-Bukhari dan Imam Muslim daripada sahabat Abu Hurairah Radhiyallahu Anhu.

Malam Qadar itu jatuh hanya sekali dalam setahun, berlaku dalam Bulan Ramadan. Tetapi bila, malam apa dan tanggal ke berapa tidaklah dijelaskan. Cuma banyak disebut-sebut jatuhnya

Malam Qadar itu ialah pada malam sesudah dua puluhan, yakni mulai dari malam dua puluh satu hinggalah akhir bulan apabila masuk hari terakhir dari Ramadan maka Baginda menghidupkan malam-malam harinya dengan memperbanyakkan ibadat dan membangunkan keluarganya untuk sama-sama beribadat.

Kerana itu marilah kita sama-sama berdoa sambil bergiat meningkatkan amal salih kita di dalam bulan yang mulia dan berkat ini lebih-lebih lagi di malam-malam sepuluh terakhir dari bulan Ramadan sehingga akhirnya sebagai bercontoh dari kelakuan dan perbuatan Rasulullah Salallahu Alaihi Wassalam yang

diceritakan oleh Ummul Mukminin Saiyidatuna 'Aishah Radhiyallahu Anha bahawa Rasulullah Salallahu Alaihi Wassalam apabila masuk hari terakhir dari Ramadan maka Baginda menghidupkan malam-malam harinya dengan memperbanyakkan ibadat dan membangunkan keluarganya untuk sama-sama beribadat.

Ini semua menandakan ada isyarat dari Baginda bahawa harapan besar Lailatulqadar itu jatuh pada malam dari sepuluh Ramadan yang terakhir. Inilah pula yang menjadi qaul dan pendapat Al-Imam Shafie Radhiyallahu Taala.

Menurut ibarat setengah kitab bahawa pada Malam Qadar itu turun malaikat Jibril dengan perintah Allah Taala ke bumi

bersama-sama di dalam perhimpunan para malaikat yang lain. Lalu Jibril memberi salam ke atas tiap-tiap orang yang berdiri, yang duduk, yang sembahyang dan yang berzikir dengan diikuti oleh para malaikat yang lain-lain itu, berjabat tangan dengan mereka dan mengaminkan doa mereka. Hal ini berlaku sehingga terbit fajar.

Begitulah sedikit gambaran tentang Malam Qadar itu menurut yang pernah disebut oleh kitab-kitab yang muktabar. Mudah-mudahan dengan penerangan yang sangat ringkas ini kita umat Islam akan beroleh manfaat daripadanya untuk sama-sama menghayati terus malam-malam bulan Ramadan itu dengan harapan kita akan mendapati Lailatulqadar yang mulia dan penuh berkat.

BEBERAPA PERISTIWA PENTING BERLAKU DI BULAN RAMADAN

RAMADAN adalah bulan yang mencatatkan peristiwa-peristiwa penting dan penentuan dalam ugama Islam. Tujuh belas Ramadan telah dicatatkan sebagai tarikh peralihan Nabi Muhammad menjadi Rasul dan permulaan turunnya Al-Quran dan di tarikh inilah juga peperangan Badar berlaku, peperangan pertama yang menentukan hidup matinya Islam.

Begitu mulianya bulan Ramadan sehingga ia digelar oleh Nabi Muhammad Salallahu Alaihi Wassalam sebagai Sayyidusy Syuhur — Raja segala bulan. Ramadan adalah kalimat Aras yang bermakna terlalu panas. Ini adalah perlambangan supaya ibadat puasa yang dikerjakan sepanjang Ramadan itu dapat menghanguskan dan

menghapuskan dosa dan kesalahan. Ini amat bersesuaian dengan sabda Rasulullah yang menegaskan bahawa Ramadan adalah bulan penghapusan dosa :

"**Siapa yang berpuasa bulan Ramadan dengan keimanan dan ketulus-ikhlasan mengharap pahala dari Allah maka diampunkan baginya segala dosanya yang telah lalu dan akan datang.**"

Kerana kemuliaan, rahmat dan nikmat yang begitu besar yang terkandung dalam bulan Ramadan itulah para sahabat di zaman Rasulullah sentiasa

menunggu-nunggu kedatangannya dan mengalu-alukan ketibaannya dengan hangat, masing-masing bertukar ucap selamat berpuasa. Rasulullah Salallahu Alaihi Wassalam bersabda :

"**Telah datang kepada kamu Ramadan, satu bulan yang diberkati, di dalamnya dihapuskan segala kesalahan dan diperkenankan doa. Allah memerhatikan persaingan di kalangan kamu dalam mencari keredaan Allah. Dia berbangga kepada malaikat mengenai kamu oleh itu tunjukkanlah kebaikan kamu kepada Allah. Orang yang celaka**

adalah orang yang tidak memperolehi rahmat Allah di bulan ini."

Puasa adalah rukun Islam yang wajib ditunaikan oleh setiap individu yang mukallaf. Kelonggaran hanya diberikan terhadap orang-orang yang berkeuzuran dalam pandangan Syarak, bagaimanapun meninggalkan puasa dengan keuzuran bukanlah secara percuma, ia memerlukan tukarganti sama ada dengan qada atau fidyah atau kedua-duanya sekali. Rasulullah bersabda :

"**Sesiapa yang tidak berpuasa sehari dalam bulan Ramadan tanpa uzur yang diizinkan oleh Syarak (Allah) atau kerana sakit, puasa yang terluput itu tidak akan terbayar oleh puasa sepanjang hidupnya.**"

Puasa mengandung pengendalian rohani yang paling tinggi, ia tidak setakat menegah dari makan dan minum atau mengongkong hawa nafsu tetapi melatih rohani menjadi bersih dari sebarang penyakit jiwa seperti ria, sombong, hasad dengki, marah, benci dan sebagainya. Dalam etikata yang lain berpuasa mendidik supaya anggota lahir seperti mata, mulut, lidah, tangan, kaki dan anggota batin iaitu hati menjadi bersih. Ini adalah merupakan syarat bagi kesempurnaan puasa. Sabda Rasulullah Salallahu Alaihi Wassalam : "**Apabila kamu berpuasa hendaklah pendengaran, penglihatan dan lidahmu turut juga berpuasa daripada melakukan dosa dan perkara-perkara yang haram, jangan menyakiti jiran, bersikap rendah dan penuh perasaan hormat.**"

